



No. Dasar: PNM/DS/23

Tarikh diluluskan: 14 Januari 2014

DASAR PENDOKUMENTASIAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Kenyataan Dasar

Memastikan semua bahan bercetak dan bukan bercetak didokumentasi secara sistematik berpandukan standard kebangsaan dan antarabangsa untuk membolehkan Perpustakaan Negara Malaysia berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana dan Pusat Rujukan Kebangsaan.

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	1
2.	KENYATAAN DASAR	2
3.	SKOP	2
4.	DEFINISI	2-5
5.	OBJEKTIF	5
6.	STRATEGI	6
7.	AKTIVITI	6 -11
8.	PENGEMASKINIAN DASAR	11
9.	TARIKH KUATKUASA	11

LAMPIRAN A

Sumber Rujukan	12
----------------	----

LAMPIRAN B

Bahan Bercetak	13
----------------	----

LAMPIRAN C

Bahan Tidak Bercetak	14
----------------------	----

LAMPIRAN D

Terbitan Bersiri	15
------------------	----

LAMPIRAN E

Standard Pengkatalogan Tempatan dan Antarabangsa	16-17
--	-------

DASAR PENDOKUMENTASIAN BAHAN PERPUSTAKAAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Perpustakaan Negara Malaysia telah dipertanggungjawabkan seperti yang termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80), (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) Bahagian II Seksyen 4(2) (d) (ii) iaitu menubuhkan di dalam Perpustakaan: -

%Rusat Bibliografi Negara untuk penyelenggaraan rangkaian bibliografi kebangsaan, pangkalan data bibliografi kebangsaan dan penyediaan perkhidmatan bibliografi dan dokumentasi kebangsaan+.

- 1.2 Dasar ini digubal bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80), (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian II, Seksyen 3 (a) iaitu :
- (a) Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan.
 - (b) Memudahkan capaian seluruh Negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negeri dan
 - (c) Mengadakan kepemimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan.
- 1.3 Dasar ini dipinda berdasarkan kepada Dasar Pembelian dan Pendokumentasian Bahan Monograf dan Bahan- Bahan Bercetak Lain yang diluluskan pada 19 Oktober 2001.

2. KENYATAAN DASAR

Memastikan semua bahan bercetak dan bukan bercetak didokumentasi secara sistematis berpandukan standard yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk membolehkan Perpustakaan Negara Malaysia berperanan sebagai Pusat Kecemerlangan Maklumat Malaysiana dan Pusat Rujukan Kebangsaan.

3. SKOP

Dasar ini diguna pakai oleh Perpustakaan Negara Malaysia untuk aktiviti pendokumentasian bahan perpustakaan bagi tujuan memudahkan dapatan semula bahan.

4. DEFINISI

4.1 Pendokumentasian

- (a) Proses menghurai, menyenarai dan menyusun maklumat mengenai bahan perpustakaan mengikut peraturan dan format yang ditetapkan dan diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (b) Proses kawalan bibliografi yang merangkumi pengkatalogan, pengelasan dan penyelenggaraan bahan perpustakaan mengikut standard bagi tujuan penyimpanan dan dapatan kembali maklumat.

4.2 Bahan Bercetak

Semua bahan bercetak termasuk monograf, peta, poster, carta, risalah, gambar (lukisan, lakaran, foto), kad imbasan dan skor muzik. Penjelasan bahan tersebut seperti di Lampiran B.

4.3 Bahan Tidak Bercetak

Semua bahan selain bahan bercetak. Ini termasuk sumber elektronik dan imej elektronik. Penjelasan bahan tersebut seperti di Lampiran C.

4.4 Terbitan Bersiri

Terbitan yang dikeluarkan/diterbitkan secara berturutan pada waktu tertentu, selalunya mengikut kekerapan yang tetap dan terbitannya dikeluarkan secara berterusan. Penjelasan bahan tersebut seperti di Lampiran D.

4.5 Bahan Malaysiana

Bahan Malaysiana adalah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan/atau semua sumber perpustakaan mengenai Malaysia yang diterbitkan di luar Malaysia dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tidak kira bentuk, bahasa, skrip atau tarikh dihasilkan.

4.6 Bahan Bukan Malaysiana

Bahan bukan Malaysiana ialah semua sumber perpustakaan yang diterbitkan di luar Malaysia yang tiada kaitan dengan Malaysia atau bukan dihasilkan oleh warganegara Malaysia tetapi memenuhi keperluan pembaca.

4.7 Bahan Nadir

Memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

- (a) Bahan yang mempunyai nilai yang sukar diperoleh di pasaran dan tiada cetakan lagi.
- (b) Bahan yang diterbitkan sebelum tahun 1900 dan/atau yang sukar diperoleh di dalam negara.
- (c) Terbitan cetakan lama yang berkaitan dengan Malaysia (termasuk *Straits Settlements*, Malaya, Persekutuan Tanah Melayu, Kepulauan Melayu dan Alam Melayu).

- (d) Terbitan lama melebihi 50 tahun ke atas yang tiada cetakan lagi.
- (e) Terbitan lama karangan penulis dan penyelidik Melayu/Malaysia.
- (f) Terbitan lama karangan penulis dan penyelidik yang berada di luar negara dalam pelbagai bahasa yang berkaitan Malaysiana.

4.8 Manuskrip Melayu

Manuskrip Melayu adalah segala bentuk tulisan tangan menggunakan skrip Jawi dalam bahasa Rumpun Melayu mengenai alam dan tamadun Melayu yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun.

4.8.1 Jawi

Huruf Arab dengan beberapa huruf tambahan yang digunakan untuk menulis dalam Bahasa Melayu.

4.8.2 Rumpun

Segolongan besar bangsa (bahasa) yang sama asal dan jenisnya, golongan yang sejenis (karya kesusastraan).

4.8.3 Melayu

Nama suatu bangsa dan bahasa (terutama di Semenanjung Malaysia) mengikut cara hidup orang Melayu.

4.9 Koleksi Peribadi

Koleksi yang dimiliki oleh seseorang Tokoh Negara Malaysia yang mana bahan tersebut mempunyai nilai sejarah tertentu yang sesuai dijadikan bahan rujukan penyelidikan. Koleksi itu adalah hasil penulisan tokoh tersebut ataupun koleksi simpanan/peribadi tokoh berkenaan merangkumi pelbagai bidang perkara yang boleh mempengaruhi dan menggambarkan pemikiran tokoh tersebut. Jika tokoh tersebut bukan dari Malaysia tetapi mempunyai koleksi mengenai Malaysia ia boleh dipertimbangkan untuk

dikategorikan sebagai koleksi peribadi. Begitu juga terbitan Malaysia yang dimiliki oleh orang perseorangan di luar negara.

4.10 Bahan Fana (*Ephemeral*)

Bahan yang berupa sementara, tidak kekal dan ringkas tetapi mempunyai maklumat penting dan signifikan bagi sesuatu peristiwa. Ia merangkumi bahan-bahan maklumat seperti poskad, brosur, buku program/atur cara, poster, kalendar, setem, sampul surat hari pertama, gambar, lencana, cenderahati dan seumpamanya yang mempunyai maklumat dalam bentuk visual atau grafik.

4.11 Sumber Elektronik

(a) Laman web

Dokumen elektronik yang dapat dicapai melalui Internet (biasanya mengandungi teks, grafik, imej, bunyi, pautan kepada dokumen/laman web lain dan sebagainya) tentang sesuatu institusi, organisasi, persatuan, individu dan sebagainya.

(b) Portal

Laman web yang mempunyai fungsi carian dan pautan kepada pelbagai laman web lain.

5. OBJEKTIF

Objektif utama dasar ini ialah :-

- (a) Mendokumentasi semua bahan mengikut standard kebangsaan dan antarabangsa.
- (b) Memudah dan mempercepatkan akses kepada koleksi perpustakaan.
- (c) Menyedia deskripsi bagi bahan perpustakaan yang membolehkan sesuatu bahan itu dibezakan dari bahan yang berlainan.

- (d) Mewujudkan pangkalan data berpusat Katalog Induk Kebangsaan (KIK) bagi tujuan pengawalan bibliografi.

6. STRATEGI

- (a) Memastikan pemprosesan dan pendokumentasian bahan perpustakaan mengikut standard.
- (b) Menetapkan standard dan mengawal kualiti pendokumentasian bahan perpustakaan.
- (c) Menggubal standard dan garis panduan dalam bidang pendokumentasian bagi tujuan penyeragaman pengkatalogan.
- (d) Menjalankan kerjasama dengan perpustakaan-perpustakaan dan organisasi di dalam dan luar negara bagi meningkatkan kompetensi dalam bidang pengkatalogan dan pengkelasan.
- (e) Menjalin persepakatan strategik dengan penerbit serta orang perseorangan bagi tujuan memantapkan rekod katalog.

7. AKTIVITI

7.1 Pendokumentasian

7.1.1 Pendokumentasian bagi maksud dasar ini merangkumi pengkatalogan, pengkelasan, pengindeksan dan pembinaan metadata dengan tujuan memudahkan penggunaan dan pengesanan kembali bahan perpustakaan menggunakan standard berikut :-

- (a) Anglo-American Cataloguing Rules (AACR) 2nd rev. ed.
Standard yang digunakan dalam pembinaan rekod katalog dan senarai lain dalam koleksi perpustakaan. Kaedah-kaedah yang meliputi penerangan, dan penyediaan pusat

akses untuk semua bahan-bahan perpustakaan yang didokumentasi.

(b) Resource Description and Access (RDA)

Resource Description and Access (RDA) merupakan standard baru pengkatalogan menggantikan AACR sebagai alat untuk mendokumentasi bahan perpustakaan. RDA dibangunkan sebagai standard pengkatalogan untuk persekitaran digital.

(c) MAchine-Readable Cataloguing (MARC)

MARC menyediakan mekanisme di mana komputer boleh menukar, mengguna, dan mentafsir maklumat bibliografi, serta elemen data yang terdapat dalam pengkatalogan untuk digunakan dalam pengkatalogan secara atas talian.

(d) Metadata

Metadata didefinisikan sebagai data mengenai data. Ia merupakan maklumat deskriptif berstruktur yang dapat menggambarkan ciri-ciri, konteks, kualiti dan keadaan suatu sumber maklumat. Standard metadata yang diguna pakai adalah *Dublin Core Metadata Element Set*.

7.1.2 Pendokumentasian melibatkan bahan Malaysiana dan bahan bukan Malaysiana seperti berikut:

- (a) Bahan bercetak.
- (b) Bahan tidak bercetak.
- (c) Bahan nadir.
- (d) Koleksi peribadi.
- (e) Manuskip Melayu.

7.1.3 Pengkatalogan

- (a) Katalog asal diwujudkan bagi bahan baru yang masih belum mempunyai rekod di dalam pangkalan data koleksi PNM atau mana-mana pangkalan data katalog lain.
- (b) Katalog salinan adalah rekod yang disalin dari Katalog Induk Kebangsaan (KIK) atau pangkalan data katalog perpustakaan organisasi lain seperti OCLC (Online Computer Library Center) dan Library of Congress (LC).
- (c) Rekod Pengkatalogan Dalam Penerbitan (PDP) ialah katalog deskriptif asal sesuatu judul terbitan yang disediakan untuk dicetak pada halaman hakcipta. Ianya mengandungi rekod katalog minimum.
- (d) Rekod semua terbitan dalam negara diselenggara dalam pangkalan data Bibliografi Negara Malaysia (BNM).

7.1.4 Pengkelasan


- (a) Bahan dikelaskan berdasarkan Sistem Pengkelasan Dewey (DDC) iaitu satu sistem klasifikasi bahan perpustakaan yang terdiri daripada sepuluh pengkelasan utama seperti berikut:-
 - 000 . Karya Umum
 - 100 . Falsafah dan Psikologi
 - 200 . Agama
 - 300 . Sains Kemasyarakatan
 - 400 . Bahasa
 - 500 . Sains Tulen dan Matematik
 - 600 . Teknologi

- 700 . Kesenian
 800 . Kesusasteraan
 900 . Geografi, Sejarah dan Biografi

(b) Perluasan tempatan

Bahan-bahan mengenai Malaysia akan dikelaskan berdasarkan DDC dengan rujukan tambahan kepada jadual perluasan tempatan bagi bahasa, sastera, kawasan geografi dan sejarah.

Contoh:- Pertanian di Malaysia



7.1.5 Penetapan Tajuk Perkara

Tajuk perkara dan nota yang difikirkan perlu untuk mengenalpasti sesuatu bahan, membezakannya dari bahan yang lain, dan meliputi semua ciri-ciri bahan yang mungkin berguna untuk tujuan dapatan semula bahan. Tajuk perkara diberikan berdasarkan kepada Library of Congress Subject Heading, UNESCO Thesaurus Online, Tajuk Perkara Tempatan dan sumber-sumber lain.

Pemberian tajuk perkara adalah berdasarkan:

- (a) Penetapan tajuk perkara dari khusus kepada umum
- (b) Sekurang-kurangnya satu (1) tajuk perkara dan tidak melebihi enam (6).

- (c) Bagi bahan Malaysiana, tajuk perkara yang unik dalam bahasa Melayu akan disediakan di mana perlu.

7.1.6 Pengindeksan

- (a) Bahan-bahan yang diindeks meliputi kertas kerja persidangan/seminar serta artikel majalah dan jurnal terpilih terbitan Malaysia berpandukan Garis Panduan Pengindeksan Perpustakaan Negara Malaysia.
- (b) Tajuk perkara diberi berdasarkan kepada Library of Congress Subject Headings, UNESCO Thesaurus Online, etc.

7.1.7 Pembinaan Fail Autoriti

Satu rekod autoriti mengandungi *heading* yang diguna pakai dalam rekod katalog sesebuah perpustakaan. Rekod yang menyenaraikan nama orang perseorangan, nama korporat, nama seminar/persidangan/tajuk perkara dan sebagainya. Ianya bertujuan untuk menetapkan satu bentuk/tajuk yang sah yang akan digunakan dalam pendokumentasian.

7.1.8 Pembinaan Entri Analitik

Bahan-bahan bukan Malaysiana khususnya terbitan Asia Tenggara yang mengandungi penulisan mengenai Malaysia perlu dibuat entri analitik dan dimasukkan kandungan mukasurat.

7.2 Bahasa dan Skrip Entri

Bahan perpustakaan didokumentasi berdasarkan kepada bahasa dan skrip asal serta transliterasi bagi bahasa tertentu iaitu:-

- (a) Bahasa Inggeris - Bahasa Inggeris dan skrip Roman

- | | | |
|------------------------|---|--|
| (b) Bahasa Melayu | - | Bahasa Melayu dan skrip Rumi dan/atau Jawi |
| (c) Bahasa Cina | - | Han Yu Pin Yin dan skrip Cina |
| (d) Bahasa Tamil | - | Transliterasi dan skrip Tamil |
| (e) Bahasa Arab | - | Transliterasi dan skrip Arab |
| (f) Bahasa-bahasa lain | - | Transliterasi bahasa asal |

8. PENGEMASKINIAN DASAR

Kajian semula dasar ini akan dilakukan sekurang-kurangnya lima (5) tahun atau berdasarkan keperluan semasa.

9. TARIKH KUATKUASA

Dasar ini berkuatkuasa mulai dari tarikh diluluskan oleh Ketua Pengarah PNM.

Dasar diluluskan oleh:

.....õ õ õ õ õ õ õ õ

(DATO' RASLIN BIN ABU BAKAR)

Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Tarikh: 14 Januari 2014

LAMPIRAN A

SUMBER RUJUKAN

1. Dasar Malaysiana (PNM/DS/01)
2. Dasar Sumber Media (PNM/DS/03)
3. Dasar Manusrip Melayu (PNM/DS/06)
4. Dasar Terbitan Bersiri (PNM/DS/11)
5. Dasar Koleksi Khas Perpustakaan Negara Malaysia (PNM/DS/19)
6. Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan (PNM/DS/24)
7. Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan
8. Salmah Sallehō [et al.]. Kajian penggunaan standard metadata untuk sumber maklumat elektronik di agensi-agensi kerajaan Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2005.
9. Zuraidah Abd. Manaf, Yushiana Mansor. Pengkatalogan bahan maklumat. Puchong, Selangor: August Publishing, 2012.
10. Online Dictionary for Library and Information Science
<http://www.abc-clio.com/ODLIS/searchODLIS.aspx>

LAMPIRAN B

BAHAN BER CETAK

- (a) Monograf
- (b) Peta
- (c) Poster
- (d) Carta
- (e) Brosur
- (f) Risalah /*Pamphlet*
- (g) Gambar (Lukisan, Lakaran,Gambar Foto)
- (h) Skor Muzik
- (i) Kad Imbasan

LAMPIRAN C

BAHAN TIDAK BERCETAK

- (a) CD/VCD/DVD
- (b) Cakera video/laser
- (c) Disket
- (d) *Pendrive*
- (e) *Flash card*
- (f) CD-ROM
- (g) Kit multimedia
- (h) Laman sesawang
- (i) Pangkalan data dalam talian dan luar talian
- (j) Slaid
- (k) Mikrofom
- (l) Filem gulung
- (m) Filem sinematograf
- (n) *Filmstrip*
- (o) Piring hitam
- (p) Pita rel
- (q) Rakaman video dan audio

LAMPIRAN D

BAHAN TERBITAN BERSIRI

- (a) Majalah
- (b) Surat Khabar
- (c) Laporan Tahunan
- (d) Buku Tahunan
- (e) Buku Panduan/Direktori
- (f) Jurnal
- (g) Indeks
- (h) Abstrak
- (i) Laporan
- (j) Statistik
- (k) Warta Kerajaan

LAMPIRAN E

STANDARD PENGKATALOGAN TEMPATAN DAN ANTARABANGSA

1. *Anglo American Cataloguing Rules*, edisi terkini termasuk pindaan kepada *Heading for Persons, Rules 22.27 Malay Names* dan *Cataloguing Rules for Iban Names*.
2. Pengkatalogan deskriptif berdasarkan standard terkini berikut:
 - (a) *MARC 21 Format for Bibliographic Data*
 - (b) *ISBD (M): International Standard Bibliographic Description for Monographic Publications* edisi terkini.
 - (c) *ISBD (CM): International Standard Bibliographic Description for Cartographic Materials* edisi terkini.
 - (d) *ISBD (ER): International Standard Bibliographic Description for Electronic Resources* edisi terkini.
 - (e) *ISO 690:2010 (Documentation-Bibliographic references -Content, form and structure)*.
 - (f) *Web Dewey 23rd edition*
 - (g) *Classification Web*
 - (h) *Cooperative Online Serials (CONSER)*
 - (i) *Resource Description and Access (RDA)*
 - (j) *Functional Requirements for Bibliographic Records (FRBR)*
 - (k) *Z39.50 client-server protocol*
 - (l) Garis Panduan Pengindeksan Perpustakaan Negara Malaysia
 - (m) Standard Minimum Katalog Induk Kebangsaan (KIK)
 - (n) *Dublin Core Metadata Element Set*
 - (o) Polisi Dalaman PNM

3. Bahan skrip bukan Rumi ditransliterasi berpandukan kepada:
 - (a) *Guidelines for Romanization of Jawi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1995.
 - (b) Perumian Bahasa Cina : Panduan Asas Untuk Perpustakaan.
 - (c) *The Chinese-English Dictionary* dan *Xiandai Hanyu Cidian*. Beijing: Shang Wu Vinshuguan, 1997.
 - (d) *Tamil Lexicon*. Madras: University of Madras, 1982.
4. Tajuk perkara berdasarkan:
 - (a) *Library of Congress Subject Headings* edisi terkini.
 - (b) Tajuk Perkara Tempatan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.
 - (c) Tajuk Perkara Perpustakaan Negara Malaysia: Dwi Bahasa: bahasa Inggeris- bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1992.
 - (d) Tajuk Perkara Kumpulan Etnik Sabah dan Sarawak. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1996.
 - (e) *Subject Manual Library of Congress* edisi terkini.
 - (f) UNESCO Thesaurus <http://databases.unesco.org/thesaurus>.
 - (g) Mana-mana terbitan yang berkaitan dengan tajuk perkara yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan dari semasa ke semasa.
5. Pengkelasan berdasarkan:
 - (a) *Dewey Decimal Classification and Relative Index* edisi terkini dengan pindaan jadual perluasan tempatan bagi bahasa Melayu.